

18 FEB 1997

Mahathir-Sarawak

TIADA RANCANGAN UMNO KE SARAWAK, KATA PERDANA MENTERI

KOTA KINABALU, 18 Feb (Bernama) -- Umno hanya akan mengembangkan sayapnya ke Sarawak jika ada keperluan untuk berbuat demikian dan jika ia memberi manfaat kepada majoriti penduduk Bumiputera di negeri itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Apabila saya kata Umno hanya mengembangkan sayap ke Sarawak apabila dirasakan perlu, saya maksudkan majoriti penduduk di sana, terutama Bumiputera (harus mendapat faedah) dan bukan hanya segelintir orang yang membuat berbagai-bagai jangkauan dan khabar angin," katanya.

Bagaimanapun, buat masa ini Umno belum ada rancangan untuk mengembangkan sayap ke negeri itu, kata beliau pada persidangan berita di lapangan terbang lama Kota Kinabalu sebelum kembali ke Kuala Lumpur selepas mengakhiri lawatan dua hari ke Sabah.

Mengenai pengisytiharan sebagai tidak sah dan batal pilihan raya negeri kawasan Bukit Begunan oleh Mahkamah Tinggi Kuching pada Khamis lepas kerana adanya unsur rasuah, Dr Mahathir berkata ia menjadi amaran kepada semua pihak agar tidak menggunakan wang dalam politik.

"Saya berpendapat kalau benar ada penggunaan wang, kita memang bersetuju dengan pendapat mahkamah. Kita membuat rayuan (terhadap keputusan itu) kalau kita fikir tak ada (penggunaan wang)," kata beliau.

Pilihan raya itu dimenangi calon BN Mong anak Dagang daripada Parti Bansa Dayak Sarawak menewaskan calon bebas Donald anak Lawan dengan majoriti 2,165 undi.

Bagaimanapun, Donald membawa kes itu ke mahkamah atas dakwaan berlaku perbuatan rasuah pada pilihan raya negeri itu dan memohon mahkamah mengisytiharkannya sebagai tidak sah dan batal.

-- BERNAMA

JS NT AHH